

22/05/2001

Umno akan kaji jumlah pelajar Bumiputera

KUALA LUMPUR, Isnin - Umno akan menjalankan kajian untuk mengetahui jumlah sebenar pelajar Bumiputera berbanding bukan Bumiputera yang melanjutkan pelajaran pada peringkat tinggi.

Selain itu, parti berkenaan juga akan menubuhkan jawatankuasa khas mengkaji punca kekurangan pelajar lelaki Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kajian itu akan meliputi semua pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran peringkat tinggi di dalam dan luar negara.

Presiden Umno itu berkata, walaupun kerajaan menetapkan kuota sebanyak 55 peratus untuk kemasukan Bumiputera ke IPTA, jumlah keseluruhan pelajar Bumiputera yang melanjutkan pelajaran pada peringkat tinggi di dalam dan luar negara amat kurang berbanding pelajar bukan Bumiputera.

"Majoriti pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi swasta adalah bukan Bumiputera.

"Kalau jumlah semua (pelajar) yang mendapat pendidikan tinggi (diambil kira), Bumiputera kurang 55 peratus. (Bererti) dengan kuota 55 peratus (di IPTA pun), peratus Bumiputera seluruhnya amat berkurangan berbanding bukan Bumiputera," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Ibu Pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, Umno menyokong supaya kuota kemasukan ke IPTA dikedudukan supaya kedudukan pelajar Bumiputera pada peringkat tinggi secara keseluruhannya dapat mengimbangi bukan Bumiputera.

Beliau berkata, tindakan itu sama seperti langkah memberi kontrak kerajaan kepada Bumiputera bagi mencapai matlamat 30 peratus serta mengimbangi kedudukan bukan Bumiputera dalam ekonomi.

Bagaimanapun, katanya, penekanan terhadap kemasukan ke IPTA mungkin menyebabkan kuota di institusi itu tidak mencerminkan peratus sebenar pelajar Bumiputera yang mendapat pendidikan tinggi.

Pada masa yang sama, katanya, Umno juga tidak meminta supaya diwujudkan kuota kemasukan ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sebagaimana kuota tidak pernah ditentukan bagi penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor kerajaan.

"Bilangan bukan Bumiputera dalam kerajaan perlu ditingkatkan. Tetapi pada masa yang sama, bilangan Bumiputera dalam syarikat swasta juga perlu ditingkatkan.

"Kita tidak tentukan kuota atau apa-apa, tetapi untuk meningkatkan bilangan bukan Bumiputera dalam kerajaan, kita juga perlu melihat (peningkatan) Bumiputera dalam perniagaan swasta.

"Sekarang kita lihat swasta tidak bagi peluang sama sekali kepada kontraktor atau pembekal Bumiputera untuk projek mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, pelajar Bumiputera yang memasuki IPTS serta yang berada di luar negara akan turut diambil kira dalam kajian berkenaan untuk mengetahui prestasi sebenar mereka.

Mengenai kedudukan pelajar lelaki Melayu di IPTA, katanya, MT Umno tidak senang dengan jumlah mereka yang kurang berbanding pelajar wanita.

Katanya, jumlah pelajar lelaki Melayu di IPTA tahun lalu hanya 37 peratus berbanding 63 peratus pelajar wanita manakala tahun ini pula, 30 peratus pelajar lelaki dan 70 peratus pelajar wanita.

Beliau berkata, antara punca kekurangan pelajar lelaki Melayu di IPTA ialah wujud gangguan yang menyebabkan mereka kurang terdorong untuk meneruskan pelajaran pada peringkat universiti.

"Mereka nampaknya terlalu terbabit dengan kegiatan lain. Mereka tidak dapat fokus kepada pelajaran kerana ada gangguan ini.

"Ramai pula yang mendapat kelulusan rendah menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan pengajian ke universiti," katanya.

Katanya, Umno mahu mengetahui punca sebenar pelajar lelaki Melayu mendapat keputusan akademik yang rendah berbanding pelajar wanita sedangkan mereka belajar di sekolah yang sama serta diajar oleh guru yang sama.

Sehubungan itu, katanya, Umno bersetuju menubuhkan badan khas yang dilantik oleh MT serta dipengerusikan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, untuk menyediakan pelan tindakan mengatasi masalah berkenaan.

Beliau berkata, pelan itu akan dibentangkan kepada MT untuk tindakan Umno dan berkemungkinan dipanjangkan kepada kerajaan.

"Kita khuatir dengan masa depan masyarakat kita. Jika wanita terpelajar, tetapi lelaki kurang terpelajar, nak cari pasangan susah. Wanita ada doktor falsafah (PhD), lelaki jadi kerani.

"Jika wanita nak kahwin suami PhD mudah, tetapi kalau sebaliknya susah. Jadi kita kena selesaikan masalah ini," katanya.

(END)